



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

**BIL. 13 / 2020**

### **PEMAKLUMAN KEHILANGAN KELAYAKAN AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI N.74 PUJUT**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) mengambil maklum keputusan Mahkamah Persekutuan pada 11 Februari 2020 yang memutuskan bahawa Dr Ting Tiong Choon telah hilang kelayakan untuk menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) N.74 Pujut.
2. Sehubungan itu, berdasarkan peruntukan Perkara 21(5) Perlembagaan Negeri Sarawak, SPR akan mengambil tindakan sewajarnya sekiranya mendapat pemakluman rasmi daripada Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak berkaitan keperluan mengisi kekosongan kerusi tersebut.
3. Maklumat-maklumat lain berhubung perkara tersebut akan dimaklumkan dari semasa ke semasa oleh SPR.

Sekian dan terima kasih.

**DATUK AZHAR AZIZAN HARUN**

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh : 13 Februari 2020 / 18 Jamadil Akhir 1441H